

Tatacara raja siap bulan ini

BM 08 MAR 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid, Wan Sabariah Shikh Ali dan Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa khas Majlis Tertinggi (MT) Umno yang merangka Tatacara Perilaku Raja-Raja dijangka menyiapkan laporan mengenai perkara itu untuk kajian semua ahli MT dalam bulan ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jawatankuasa itu juga akan mengedar kertas laporan itu sebaik saja disiapkan tidak lama lagi.

"Jawatankuasa MT Umno yang sedia ada akan membuat satu kertas yang akan diedar kepada semua ahli MT supaya mereka dapat mengkaji dan memberi pendapat. Ini akan dibuat secepat mungkin.

"Kita bersetuju bahawa (tatacara) etika ini akan disediakan dengan cukup lengkap serta menyebut segala perkara yang terhabit berkenaan hubungan raja dengan kerajaan supaya tidak ada lagi salah faham," katanya ke-

pada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di ibu pejabat Umno, di sini malam tadi.

Dr Mahathir juga mengumumkan senarai ahli jawatankuasa khas itu yang diketuai Naib Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dianggotai oleh Naib Presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi serta Datuk Seri Sanusi Junid, Ketua Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat dan Rendahari, Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir berkata, MT Umno juga akan mengadakan satu lagi mesyuarat, jika perlu, dalam bulan puasa ini untuk membincangkan Tatacara Perilaku Raja-Raja.

Menurutnya, mesyuarat MT semalam menghabiskan masa agak panjang untuk membincang laporan pertemuan di antara wakil MT dan Majlis Raja-

Raja serta pembentukan etika dalam tatacara itu.

Pada 24 Februari lalu, rombongan MT Umno yang diketuai Anwar Ibrahim, menemui Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di Istana Negara untuk menyampaikan memorandum.

Selepas pertemuan dengan Majlis Raja-Raja pada hari berikutnya, Anwar mengumumkan MT Umno dan Majlis Raja-Raja bersetuju supaya Tatacara Perilaku Raja-Raja disiapkan untuk menjelaskan kedudukan dan bidang kuasa serta hubungan istana dengan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat semalam juga membincangkan cadangan pindaan Perlembagaan berhubung takrifan perkataan 'nasihat' Raja-Raja dalam soal perlintakan di peringkat negeri dan Pusat.

"Pada pendapat ahli MT, pindaan ini harus dikaji dengan lebih menda-

lam kerana mereka tidak tahu dengan jelas perkara ini. Ahli MT juga perlu membuat kajian sebelum dapat memberi pendapat mereka. Oleh itu, tidak ada keputusan dalam perkara ini," katanya.

Dr Mahathir, juga berkata, Malaysia sedang mengkaji latar belakang dan pendirian kira-kira 1,000 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diwujudkan menghadiri Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced), di Rio de Janeiro, Brazil, Jun depan.

Menurutnya, tindakan itu dibuat kerana Malaysia bimbang persidangan itu akan menjadi gelanggang untuk menyerang wakil dari Dunia Ketiga.

"Saya diberitahu pds mesyuarat Unced itu 1,000 NGO akan hadir. Saya khawatir kehadiran pertubuhan itu hanya untuk menyerang negara Dunia Ketiga," katanya.